

# Dekati pesakit kanser

## Sukarelawan CaRE UPM bantu tingkatkan keyakinan diri penghidap barah berhadapan dengan masyarakat

Oleh Siti Zarinah Sahib  
sitzarinah@media-  
prima.com.my

**B**agi sukarelawan CaRE, Umi Purwati Sunoto, 58, yang juga bekas pesakit kanser payudara, perkara paling ditakutinya saat menerima perkhabaran doktor yang dia menghidap kanser payudara tahap dua. Ketika itu dia berusia 47 tahun dan aktif dengan senaman aerobik di samping memiliki perniagaan salon dan spa sendiri.

"Pada mulanya, saya sangat takut menjalani pemeriksaan selepas menyedari terdapat benjolan pada payudara kanan. Namun, selepas menerima sokongan daripada suami, saya memberanikan diri menjalani mamogram dan daripada ujian itu doktor mengesahkan saya menghidap kanser payudara tahap dua," jelasnya.

Mendengar kata-kata doktor, ia ibarat batu besar terhempas ke kepala, tidak dapat dibayangkan sekiranya payudara dibuang, tambahan pula Umi tenaga pengajar senam aerobik dan gemar bergaya setiap hari.

"Mujur doktor memberitahu benjolan hanya perlu dibuang sebanyak dua sentimeter saja dan payudara saya masih dapat diselamatkan. Saya sangat bersyukur kerana merasakan Allah masih sayangkan saya," katanya.

Menjalani prosedur yang sama seperti pesakit kanser lain, Umi perlu menjalani rawatan kemoterapi yang sering dikatakan, sebagai rawatan paling sakit. Pada mulanya, dia menolak untuk menjalani rawatan ini apabila mendengar pendapat rakan yang lain.

"Tetapi selepas menjalani kemoterapi, saya tidak merasakan seperti mana yang diberitahu rakan. Ia tidaklah seperti yang digambarkan orang lain. Saya akui selepas melaluinya rasa pening, mual dan muntah itu tetap ada, tetapi saya masih dapat menghadapinya selepas menjalani enam kali rawatan," katanya.

Bagi Umi, setiap orang akan mengalami kesakitan berbeza-beza bergantung kepada tahap ketahanan badan seseorang. Kesakitan juga berkaitan dengan min-

da seseorang. Bagi pesakit yang mampu mengurus keadaan diri, mempunyai semangat juang yang tinggi serta menguasai emosi sudah tentu mereka dapat menghadapi apa juga kesakitan yang datang. Berbeza bagi individu yang kerap menyerah kalah, sering tertekan dan tidak ingin berusaha, sudah tentu dia akan merasai semua kesakitan sepanjang menjalani rawatan.

Apa yang perlu dilakukan adalah mendekati diri dengan Allah, reda dengan pemberiannya dan berusaha untuk menjalani kehidupan lebih baik setiap hari.

"Jika diikuti hanya mereka yang benar-benar mengalami saja tahu apa yang mereka lalui. Kesakitan, kesengsaraan, rasa tertekan, tidak berguna, menyusahkan hidup orang lain, tiada sumber kewangan serta menuju kematian, antara perkara yang sering menghantui kehidupan pesakit kanser. Namun semua itu normal dilalui mereka dan apa yang harus dilakukan adalah menerima setiap dugaan dengan sabar," katanya.

Dengan harapan ingin membantu pesakit kanser terutama dari segi mengembalikkan keyakinan diri dan emosi mereka, Umi menyertai sukarelawan CaRE Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan menyertai program yang diadakan sama ada di hospital dan juga CaRe sendiri.

"Perkara paling penting adalah memberi keyakinan kepada pesakit supaya menerima kenyataan mengenai penyakit yang mereka hadapi. Reda dengan pemberian Allah, perjalanan hidup menjadi lebih mudah dan lancar malah mereka mampu menempuh semua rawatan sama ada paling sukar atau sebaliknya," jelasnya.

Dia yang mempunyai enam anak dan 14 cucu ini melahirkan rasa kesyukuran kerana suami dan anak memberikan sokongan sepenuhnya terutama ketika dia mula disahkan menghidap kanser.

"Dengan penyakit ini, saya semakin mendekati diri dengan Allah dan menjaga amal ibadat, tanpa ada sedetik pun rasa sangsi dengan Allah," katanya.

**"Pada mulanya, saya sangat takut menjalani pemeriksaan selepas menyedari terdapat benjolan pada payudara kanan. Namun, selepas menerima sokongan daripada suami, saya memberanikan diri menjalani mamogram dan daripada ujian itu doktor mengesahkan saya menghidap kanser payudara tahap dua"**

Umi Purwati



**"Dengan pelbagai isu kemasyarakatan seperti kemiskinan serta penyakit, sukarelawan mampu meluahkan pandangan berbeza menerusi pelbagai isu serta melahirkan rasa simpati sesama manusia"**

Fam Sze Zheng



**"Saya rasa masih belum terlambat menyertai program CaRE supaya saya dapat memberikan sesuatu kepada mereka yang memerlukan walaupun hanya bersifat kecil atau sementara"**

Anis Ayuni



Bagi Fam Sze Zheng, 22, menyertai sukarelawan sebagai satu kriteria untuk menjadi insan cemerlang dan baik akhlaknya. Dia yang sebelum ini banyak mengikuti aktiviti berteraskan keagamaan mula mencari program membabitkan pesakit kanser serta mereka yang memerlukan sokongan sama ada dari segi fizikal dan emosi.

Mendapat sokongan keluarga terutama ibu bapa yang sentiasa mengingatkan supaya Fam menjalani gaya hidup sihat dengan aktiviti bermanfaat, jelas siswa jurusan Sains BioPerubatan UPM ini, program sukarelawan mampu meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan masyarakat.

"Selain itu, dengan pelbagai isu kemasyarakatan seperti kemiskinan serta penyakit, sukarelawan mampu meluahkan pandangan berbeza menerusi pelbagai isu serta melahirkan rasa simpati sesama manusia," katanya yang mengakui menerusi program anjuran CaRE, dia berpeluang mendekati diri dengan pesakit kanser.

Sekurang-kurangnya dengan mendengar pengalaman mereka, dia lebih memahami perasaan mereka terutama bagi yang mempunyai jangka hayat yang singkat.

Bagi siswi jurusan Bio Perubatan UPM, Anis Ayuni Ismail, 19, sebelum ini dia tidak pernah menyertai sebarang aktiviti bersifat kemasyarakatan kerana sibuk dengan kuliah dan pembelajaran harian. Namun dia mula terfikir sepanjang hidup, dia langsung tidak memberikan sumbangan kepada masyarakat lalu terampil menyertai sukarelawan CaRE yang baru saja dilancarkan.

"Saya rasa masih belum terlambat menyertai program CaRE supaya saya dapat memberikan sesuatu kepada mereka yang memerlukan walaupun hanya bersifat kecil atau sementara," katanya.

Anis juga turut mengajak rakan bersama-sama menyertai CaRE kerana banyak perkara positif yang dapat diperoleh terutama dari segi pembinaan sahsiah diri serta hubungan dengan masyarakat.